

U.M. 27 JUN 1970

**A**LOR SETAR 26 Jun — Ijazah Universiti Kebangsaan tidak akan di-anggap sa-bagai ijazah kelas dua atau tiga, demikian menurut Dr. Mahathir bin Mohamad Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi Malaysia di-sini petang ini.

Menurut beliau pehak berkuasa Universiti Kebangsaan telah lama memikirkan soal ini dan mengikut dasar sekarang universiti tersebut terpaksa menjaga taraf pelajaran-nya.

Beliau yang juga menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan menegaskan bahawa sa-paroh dari pelajar2 universiti tersebut mungkin tidak akan lulus dan mendapat ijazah sa-bagaimana yang mereka harapkan akibat dasar tegas universiti itu.

Kata-nya pehak berkuasa Universiti Kebangsaan berazam untuk menjaga nama baik dan taraf pelajaran universiti itu untuk memenuhi hasrat kebangsaan.

Jadi kala-nya, soal ijazah kelas dua atau tiga tidak akan timbul lagi.

Beliau memberitahu satu forum mengenai tapak Universiti Kebangsaan di-Balai Besar di-sini petang ini bahawa penubohan Universiti Kebangsaan telah memaksa universiti2 dan institut2 pengajaran tinggi di-Malaysia memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia sa-bagai bahasa pengantar masing2.

"Penubohan Universiti Kebangsaan telah menjadi saingan hebat kepada universiti2 dan institut2 di-Malaysia mengenai penggunaan Bahasa Malaysia."

Beliau perchaya penggunaan Bahasa Malaysia dalam pelajaran tinggi di-negeri ini tidak akan merendahkan taraf pelajaran di-negeri ini.

Sa-belum ini beliau telah bertelagah dengan sa-orang peguam Enche' Jaafar bin Hassan yang juga menjadi peserta forum itu mengenai tapak Universiti Kebangsaan.

## Ekonomi

Doktor Mahathir mahukan Universiti Kebangsaan di-dirikan di-Kuala Lumpur sedang Enche' Jaafar Hassan mahukan universiti itu di-dirikan di-Kuantan.

Menurut Doktor Mahathir Universiti Kebangsaan sa-bagai sa-buah universiti yang tunggal di-negeri ini sudah sa-patut-nya di-dirikan di-Ibu Kota yang mempunyai berbagai kemudahan sama ada di-segi ekonomi kemudahan2 lain dan juga di-segi tapaknya.

Kata-nya lagi sa-lain dari itu pusat2 pengajaran tinggi seperti Universiti Malaya dan institut2 lain-nya yang ada di-Kuala Lumpur boleh memberikan bantuan di-segi pensharah, kemudahan2 pelajaran dan bantuan lain-nya kepada Universiti Kebangsaan.

Tambahan pula kata-nya sa-bagai Ibu Kota Kuala Lumpur adalah tempat tumpuan segala2-nya yang mana memberi faedah kepada universiti tersebut.

Enche Jaafar Hassan pula menyatakan bahawa Ibu Kota tidak sesuai di-jadikan tapak Universiti Kebangsaan kerana banyak pusat2 pelajaran tinggi di-situ yang menyakkan Ibu Kota dan mengganggu pelajaran penuntut2 Universiti Kebangsaan itu.

Beliau menarek perhatian kira2 200 orang peserta2 forum anjoran Persatuan Belia Bimbingan itu bahawa di-England sendiri universiti2 yang baik dan terkenal di-bena di-luar bandar tidak di-dalam bandar.